

Article Info:

Received Date: 8 August 2018

Accepted Date: 15 August 2018

Corresponding Author:

firdaus.ramli@fskik.upsi.edu.my

Argumentasi Terhadap Pergerakan Fesyen Jalanan Tempatan

Argumentation Towards Local Street Fashion Movements

Muhamad Firdaus Ramli

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

firdaus.ramli@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Penulisan ini mengungkap pemerhatian terhadap aktiviti lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan (Tempatan Fest) yang mengangkat faktor kritikan dan pemahaman. Melalui aktiviti lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan, bakat pereka bebas yang mengikuti program lapangan dapat diperkembangkan. Aktiviti ini dijalankan di dalam atau luar premis perniagaan dengan melibatkan aspek kreativiti terhadap pergerakan fizikal dan luahan pemikiran pereka bebas. Di luar kebiasaannya, aktiviti lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan ini dapat mengenal pasti sensitiviti penglibatan pereka bebas dan (pengunjung/masyarakat) secara langsung. Secara khususnya, tujuan utama penyampaian makalah ini adalah untuk berkongsi lembaran konsep dan prinsip asas pergerakan fesyen *indie* tempatan terhadap keperluan pereka bebas. Penetapan asas dalam interaksi fizikal pereka bebas telah mendorong aktiviti lapangan menjanakan emosi dalam memberikan tumpuan kepada pola pengajaran yang disampaikan. Melalui pengamatan aturan terhadap subjek lapangan, sandaran teori dalam amalan praktis pergerakan fesyen *indie* tempatan secara khusus dapat dirangkakan. Aktiviti lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan dapat mengangkat keilmuan yang sedia ada ke dalam faktor penerimaan kognitif pengunjung dan masyarakat. Justeru itu, imbalan dari makalah ini akan berkongsikan gaya cetusan rasa pereka bebas semasa berkarya. Produk dari pereka bebas berfungsi sebagai pelengkap dalam menjanakan aktiviti yang diaturkan. Dalam menjalankan pemerhatian terhadap aktiviti lapangan, penilaian estetika memenuhi objektiviti makalah dengan menonjolkan kewajaran pergerakan fesyen *indie* tempatan ke tahap lebih optimum.

Kata Kunci: Pemerhatian, Interaksi, Pereka Bebas, Aktiviti fesyen *Indie* Tempatan

Abstract

This paper reveals the observation of the local indie fashion movement (Tempatan Fest) movement that raised the criticism and understanding factor. Through local indie fashion movements, the free-design talent that follows the field program can be expanded. This activity is conducted in and out of business premises by involving the creativity aspect of the physical movement and the disadvantage of independent designers. Externally, the local indie fashion movements are able to identify the sensibilities of Independent designers and visitors. In particular, the main purpose of delivering this paper is to share the concept of the sheet and the basis of the indie indie local movement towards the needs of independent designers. The basic setting in the physical interaction of independent designers has encouraged field activity to emanate in focusing on the teaching pattern delivered. Through observational rules on field subjects, preliminary theory in practical practice of local indie fashion movements can be specially prepared. Local indie fashion movement activities can highlight existing knowledge into the acceptance of cognitive and community acceptance. The Jesteru, the rewards of this paper will mirror the style of Independent designers in the creation. Products from independent designers serve as a complement to generating organized activities. In conducting field observations, aesthetics of assessments meet the objective of the paper by highlighting the rationality of local indie fashion movements to optimum levels.

Keywords: Observation, Interaction, Free Designer, Local Indie fashion activity

PENGENALAN

Kritikan dan hujahan dalam makalah ini bukan hanya bersandarkan dari hubungan deria pereka bebas terhadap persekitaran secara khusus. Ianya menghubungkan penglibatan faktor deria dalaman terhadap pembinaan sesebuah produk. Produk akan ditentukan oleh pelbagai perkara yang melibatkan aspek parameter dalam persekitaran, sosial, dan emosi peribadi yang khusus. Seterusnya, sesebuah produk direka untuk memenuhi penyampaian pengalaman pereka bebas dalam melengkapkan permintaan artistik. Bagaimanapun, keritisan dan pengamatan pereka bebas terjejas disebabkan kelemahan gabungan komposisi pola pada produk yang kurang efektif. Permasalahan ini berkait dengan kekurangan ruang kognitif dalam pembinaan produk dan interaksi fizikal yang natural oleh pereka bebas. Sebahagiannya, pola rekaan yang telah dimanipulasikan dengan sebaik mungkin oleh pereka bebas mampu mewujudkan penerimaan pengunjung yang berbeza. Dengan penyampaian makalah ini, penyelidik memperkongsikan tumpuan pengamatan dan pemerhatian secara langsung melalui pengalaman bersama pereka bebas.

Perkongsian dalam program asas pergerakan fesyen *indie* tempatan melibatkan:

- a. Faktor keritikan dan penerimaan terhadap sensitiviti pereka bebas kepada ruang dan fizikal (persekitaran/medium) melalui program pergerakan fesyen *indie* tempatan,
- b. Memahami prinsip keperluan subjek dalam interaksi penyediaan produk (kritikan dan penerimaan), dan
- c. Aspek manipulasi pola produk melalui komposisi dan pemilihan gaya lakaran.

Pemerhatian dengan penilaian prestasi pembinaan sendiri setiap pereka bebas yang terkait dengan program asas pergerakan fesyen *indie* tempatan adalah difokuskan. Pengajaran yang efektif dapat memurnikan keupayaan pereka bebas dalam interaksi aktiviti fizikal terhadap lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan. Selain itu, keperluan kepada pereka bebas untuk memahami hubungan bahantara yang digunakan dapat dititikberatkan dalam pembinaan produk. Ini menjadikan kondisi dalam pembinaan sesebuah rekaan akan bertindak balas dengan aspek fizikal dan emosi pengunjung.

Makalah ini melibatkan dengan persoalan yang mengungkap perkara yang berkaitan:

- Apakah keperluan sensitiviti pereka fesyen bebas untuk memahami aspek asas seni reka fesyen terhadap pembinaan produk?
- Sejauh manakah kelangsungan pereka fesyen bebas meneruskan kefahaman asas pergerakan fesyen *indie* tempatan dalam memenuhi tuntutan produk mereka?

Aktiviti Lapangan Pergerakan Fesyen *Indie* Tempatan

Rekaan yang dibangunkan hendaklah mengikut dimensi/parameter berdasarkan keperluan khusus tema produk. Hasil produk juga disandarkan dengan analisis terhadap faktor pragmatis pereka bebas. Selanjutnya, produk yang berfungsi secara telus akan memudahkan ia diterima pengunjung. Melalui proses tersebut, pengunjung boleh membuat andaian terhadap sesuatu keperluan dan peringkat kualiti artistik sesebuah produk. Di samping itu, keperluan pergerakan fesyen *indie* tempatan terhadap sesebuah produk dapat menonjolkan cita rasa dan personaliti seseorang pereka bebas. Dengan tercetusnya aktiviti pergerakan fesyen *indie* tempatan, dapat menyatupadukan pengamatan estetika secara khusus terhadap aspek artistik yang dijanakan. Melalui rekaan, persepsi dan kognisi penghayat dapat digabungkan untuk memahami tindakan luaran fizikal aspek sesuatu produk yang disampaikan. Ini adalah kerana, perkara ini akan melibatkan motif sensasi dan faktor penyediaan bahantara dalam aspek penerimaan produk.



Gambar 1: Khemah Penganjur

Seterusnya, pereka bebas telah membuah tumpuan kepada perkara yang lebih sensasi atau negatif terhadap produk mereka. Gambar 1 menunjukkan lokasi khemah penerangan yang berfungsi sebagai agen penggerak kepada faktor kesenian dan rekaan. Hasil produk rekaan tempatan yang dijanakan bertindak sebagai unsur keharmonian kepada bakal khalayak. Ini adalah kerana, kepentingan dan kefahaman pergerakan fesyen *indie* tempatan akan melibatkan pemikiran khusus dalam membezakan kematangan produk yang berkualiti. Dalam mengungkap aspek estetika, makalah ini akan mengangkat kelestarian asas ilmu seni reka sebagai faktor utama pembinaan produk. Justeru itu, aspek pengkaryaan adalah berdasarkan dari ilmu (faktor kemanusiaan dan alami) yang berkaitan dengan pembinaan rekaan. Namun, sebilangan pereka bebas masih dalam percubaan untuk menunjukkan sensasi dan cetusan rasa peribadi kepada khalayak dalam bentuk yang nyata (aksi). Ini adalah kerana, tindakan aksi sebilangan pereka bebas sungguh menampilkan keterujaan emosi untuk bersama dalam aktiviti perkongsian produk. Keterujaan yang berlaku dipengaruhi oleh emosi untuk memperluaskan konteks rekaan fesyen dan estetika. Jika keterujaan pereka bebas gagal dikawal dengan rapi, hasil produk akan membawa kepada faktor provokasi yang besar dalam rekaan fesyen dan pembudayaan. Penyampaian sesebuah produk akan memberikan tafsiran yang tidak bermakna dalam keilmuan seni reka fesyen.



Gambar 2: Hasil Rekaan Pakaian Jalanan

Pengamatan Pergerakan Fesyen *Indie* Tempatan

Media dalam pembinaan rekaan yang digunakan sebagai bahantara hendaklah setara dengan keperluan produk. Kesesuaian ini perlu difahami oleh pereka bebas untuk menyampaikan produk yang bakal dikongsikan. Selanjutnya, bahantara yang bersesuaian hendaklah bertepatan dengan permintaan produk. Di dalam perihal ini, keberhasilan karya juga bertujuan untuk memberikan impak dalam kelestarian sesebuah gaya rekaan. Gambar 2 menunjukkan hasil rekaan pakaian jalanan yang digabungkan dengan pemilihan subjek persekitaran tempatan. Namun, kekangan beberapa faktor pemahaman saintifik dan teknologi akan menjadi kesukaran bagi seseorang pereka bebas. Permasalahan ini berlaku semasa proses pembinaan rekaan untuk meletakkan idea ke lingkaran sesuatu agenda yang dibawa. Perkara yang dicadangkan, pereka bebas hanya perlu menggunakan data/fakta daripada hasil pemikiran sekeliling untuk disandarkan sebagai tema produk. Hasil rekaan menonjolkan aspek estetika untuk dijanakan dengan memberikan makna dalam pergerakan aktiviti secara fizikal.

RANGKA KERJA LAPANGAN FESYEN *INDIE* TEMPATAN

Berdasarkan Christensen (2004) dan Cupchik (1995), telah membincangkan aspek estetika dalam beberapa domain kreatif. Mereka menyatakan perkara yang berkaitan dengan visual yang boleh menonjolkan penampilan melalui kualiti pembinaan produk. Keberhasilan akan menyentuh penerimaan dan perhatian yang penting dalam peringkat pemerhatian yang berkait dengan kualiti produk. Selanjutnya, Salem, Nakatsu, dan Rauterberg (2006) menyatakan pengamatan produk dalam estetika yang membawa terma emosi dan keseimbangan peribadi dalaman penghayat.

Berikut adalah pernyataan berkenaan dengan ‘pengalaman dalam estetika’:

- a. Persepsi dan makna; Gerak laku sensitiviti pengunjung/penghayat akan setara dengan penyampaian sesebuah pengkaryaan,
- b. Kognitif dan emosi; Menurut Cupchik (1995), membicarakan pengertian yang menjadi keperluan kepada seseorang individu memahami sesebuah produk yang disampaikan, dan
- c. Tindakan dan keberhasilan; Cara atau perlakuan individu pereka bebas untuk mencapai dan memahami pergerakan aktiviti fizikal lapangan.

Pengamatan pergerakan fesyen *indie* tempatan akan mengangkat perspektif pereka bebas kepada keperluan ‘unsur’ pengalaman lapangan terhadap produk. Rekaan yang unik memerlukan pemahaman minda pereka bebas dalam memahami proses tindakan pergerakan fizikal produk. Secara khususnya, pereka bebas perlu memahami ciri ekspresif sesuatu isu yang disandarkan sebagai tema. Berkait dengan perihal tersebut, kefahaman peribadi akan menjadi simbolik kepada keperluan pergerakan fizikal pergerakan fesyen *indie* tempatan. Aspek ini akan membentuk ketentuan dan penyampaian pereka bebas dalam membina produk. Oleh yang demikian, adalah amat penting kepada pereka bebas mengenal pasti dan menilai keperluan pengetahuan estetika. Rekaan akan berkait dengan aspek hubungan keselesaan (deria, fizikal, tingkah laku/karakter dalam aktiviti). Faktor ini dapat memberikan kelebihan dan ketenangan kepada pereka bebas untuk terus membina produk. Kefahaman adalah keperluan dalam usaha pereka bebas untuk membangunkan produk secara lanjutan jika diperlukan.

Pergerakan Aktiviti Fesyen *Indie* Tempatan

Memahami kondisi dan fizikal aktiviti pergerakan fesyen *indie* tempatan dapat mengungkap peranan penting dalam membangunkan produk berdasarkan keperluan khusus. Organisasi teknikal program berusaha untuk meletakkan pemahaman pereka bebas terhadap senario kehidupan lapangan. Lapangan ‘Tempatan Fest’ membantu untuk membolehkan proses ‘interaksi’ rekaan fesyen jalanan berlaku. Aspek estetika yang berkait akan mencetuskan kualiti dan kehasilan produk yang unik. Cetusan rasa produk akan dipengaruhi oleh pergerakan keilmuan lapangan dari pereka bebas. Oleh

yang demikian, pemahaman persepsi terhadap produk dan pemikiran ilmiah akan terkait kepada penelitian 26ogic26ic. Dalam keadaan yang berbeza, Merleau-Ponty (1962) menyatakan pemahaman terhadap sifat dan ruang tidak mempunyai penetapan (sebenar dan 26ogic). Ini berkait dengan motif/isu yang perlu diatur oleh pereka bebas kepada posisi dan komposisi asas kepada sesebuah produk. Kepentingan dan cara komposisi produk menjadi keperluan dalam membina pelbagai perkara yang penting kepada pengunjung. Tambahan pula, Merleau-Ponty (1962) menambah dengan menyatakan ruang yang digambarkan tidak tersedia dan hanya menunggu untuk dilengkapkan. Ia hanya sebagai medium gabungan deria seseorang individu secara (subjektif). Dalam aspek tersebut, ia berkait dengan proses pemahaman yang boleh membina (objektif). Kefahaman ini membentuk pemikiran yang intelek mengikut keutamaan fizikal hasil produk rekaan. Hasil rekaan fesyen perlu menjadi keperluan dengan mengangkat persepsi dan pemikiran pereka yang melengkapkan idea dan subjek peribadi. Setiap hasil rekaan fesyen yang unik tidak akan hanya terpapar untuk dilihat sahaja. Rekaan hendaklah dijanakan dengan lebih nyata berdasarkan keadaan dan kehendak penggemar semasa. Antara perkara yang boleh disandarkan berkait dengan prosedur kebolehpayaan intipati subjek rekaan, bahantara, aspek gunaan dan penyelesaian.

Aktiviti dan Pengamalan

Konsep 'pengamalan' adalah berkait dengan perkongsian khusus secara fizikal dari seseorang individu pereka bebas. Ini akan berkait dengan faktor pengamatan yang perlu untuk difahami oleh seseorang individu pereka bebas. Ianya berkaitan dengan kehadiran pengalaman jasmani fizikal individu yang terkesan daripada interaksi pemikiran pereka bebas. Berdasarkan Arnheim (1969), pemikiran (konsep/idea) akan terkesan melalui pemerhatian yang membawa kepada komplikasi fizikal. Perkara tersebut akan melibatkan tingkah laku dan sifat karakter individu yang dikaitkan dengan pengamalan. Menurut Gibson (1979), dalam teori (kemampuan) telah mencadangkan bahawa kehidupan perlu digarapkan oleh seseorang individu dengan potensi mengikut perlakuan dan tindakan.



Gambar 3: Suasana Dalaman Jualan Produk Tempatan

Selanjutnya, pereka bebas hendaklah melihat kehidupan dan hubungan yang tersedia. Pemahaman pengamalan fizikal yang bersifat intuitif boleh dilanjutkan mengikut sesuatu keadaan. Gambar 3 menunjukkan pengunjung menjalinkan pemahaman dengan koleksi gaya rekaan asas dengan memberi makna kepada hasil produk. Pengamalan pereka dalam rekaan fesyen mampu menjelaskan akses kepada penyediaan produk yang menarik. Tumpuan kepada struktur aktiviti fizikal secara visual akan mengungkap keperluan pereka bebas untuk membina produk. Manakala, aspek pengajaran akan tertumpu kepada pemikiran minda yang menyampaikan 'makna' yang difahami oleh seseorang individu pereka bebas. Tingkah penyampaian (karakter dan subjek) melalui lakaran boleh diperkayakan dengan pemahaman lapangan untuk mengoptimumkan prestasi

keberhasilan produk. Dalam peringkat yang sama, melalui penyampaian keberhasilan produk dapat membentuk sebuah kelangsungan komunikasi secara visual yang khusus.

MATLAMAT DAN PENDEKATAN METODOLOGI

Untuk ‘mengenal pasti’ faktor pembinaan produk, aspek estetika dan sensitiviti aktiviti pergerakan fesyen *indie* tempatan hendaklah difahami. Permintaan ini mampu memperkuat ‘persepsi’ pereka bebas dalam membangunkan produk. ‘Cetusan rasa’ dari aktiviti dan ruang digabungkan dalam hubungan perkongsian produk. Aktiviti pergerakan fesyen *indie* tempatan memerlukan pereka bebas ‘menyesuaikan peribadi’ mereka dengan pendekatan pembangunan dan keilmuan. Pergerakan fesyen *indie* tempatan perlu digabungkan dengan keperluan dan faktor kegunaan ‘bahantara’ oleh kesediaan seseorang pereka bebas. Menurut Nagamachi (2002), melalui pendekatan pergerakan fesyen *indie* tempatan bertujuan untuk merangkap dan menjangka perasaan khusus melalui imej dan subjek. Selanjutnya, ianya akan menonjolkan keperluan untuk menerapkan emosi ke dalam produk yang bakal dijanakan.

Pendekatan dan mekanisma perkongsian lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan dijanakan untuk mencapai:

- a. Pereka bebas dapat memuktamadkan ‘penyampaian produk’ dan membina kefahaman dalam ‘memilih’ dan ‘merangka’ bentuk gaya (pengetahuan awalan).
- b. Pereka bebas dapat menyusun (kategori) hubungan antara subjek dengan pengalaman peribadi berdasarkan keperluan produk dan sifat-sifatnya.

Keberhasilan Pereka Bebas dalam Pergerakan Fesyen Jalanan Tempatan

Kaedah (tatacara) dalam mengembangkan pergerakan fesyen jalanan tempatan akan membuka lembaran kepada kritikan terhadap konsep produk. Konsep dan idea pergerakan fesyen *indie* tempatan boleh dibangunkan hingga menjadi subjek dalam konteks ‘manipulasi tema’. Dengan berlakunya proses tersebut akan disandarkan sebagai sumber penjanaan kefahaman artistik. Pereka bebas perlu berlegar (menjalankan pencarian) mengikut jangkakan masa yang telah ditetapkan. Dengan mengenal pasti sumber idea, permintaan produk dapat disepadukan. Pengalaman peribadi dalaman pereka bebas berupaya memenuhi ungkapan luaran aktiviti lapangan seni reka fesyen. Dengan mengikuti keperluan program pergerakan fesyen *indie* tempatan, interaksi fizikal pereka bebas akan terkesan terhadap skema pengajian artistik.

Penyelidik melihat pengesanan tema penyampaian produk oleh pereka bebas berlaku ke dalam bentuk:

- a. ‘Dimensi’ dan ruang melalui cetusan persepsi pereka bebas,
- b. ‘Makna’ dan penetapan (perkongsian dan komplikasi), dan
- c. ‘Interaksi’ emosi peribadi (pereka bebas dan mentor).

Kelebihan fungsi tema akan menjadi sebahagian daripada ruang peralihan di antara proses interaksi pereka bebas dan permintaannya. Setiap produk yang dijanakan bertujuan untuk merangsang tindak balas emosi dari pereka bebas. Prosedur ini adalah sebahagian daripada fasa awalan sesebuah produk yang bakal dijanakan mengikut keperluan permintaan. Berdasarkan kepada konsep (idea), transformasi dari manipulasi pola produk akan menentukan penyesuaian diri pereka bebas terhadap aktiviti fizikal lapangan seperti yang dikongsikan dalam Gambar 4. Dalam keadaan tertentu, keperluan emosi khusus akan bertindak sejurus ‘transformasi’ idea kepada lakaran rekaan. Ini adalah sebahagian proses perubahan hubungan pergerakan fesyen *indie* tempatan terhadap medium interaktif.



Gambar 4: Gerai Jualan Mobile

Kepentingan Instruktur dalam Pergerakan Fesyen *Indie* Tempatan

Aktiviti yang berkaitan dengan durasi pembelajaran pergerakan fesyen *indie* tempatan adalah amat penting untuk difikirkan dan menjadi keperluan untuk:

- a. Memahami program dalam mendapatkan data/fakta dengan berkongsi kepada pereka bebas (ahli) secara terbuka,
- b. Penyelidik membuat pemerhatian dan rakaman visual secara digital. Memahami dan mengenalpasti tingkah laku personaliti pereka bebas. Memuktamadkan lingkungan fasa pengajaran (perkongsian) kepada pereka bebas.

Keperluan prosedur semasa fasa aktiviti pergerakan fesyen *indie* tempatan:

- a. Pereka bebas menentukan pilihan (tema) mereka melalui imej yang ingin diperkongsikan kepada pengunjung. Pereka bebas dikehendaki untuk memahami permintaan khusus secara alami. Penyampaian dirakam secara digital dan didokumentasikan untuk rujukan lanjutan.

Semasa proses aktiviti berlangsung:

- b. Perantara memerlukan pereka bebas berkerjasama untuk menjayakan permintaan ringkas yang bersifat kolektif. Ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dalam membuat pilihan fasa pengajaran awalan. Pereka bebas memanipulasi tema pilihan mengikut kesesuaian keadaan peribadi secara natural. Semasa proses tersebut, pereka bebas menunjukkan bagaimana mereka berinteraksi dengan menggunakan pakai tema dalam siri latihan yang ditetapkan. Pemerhatian terhadap pereka bebas dijalankan dengan pengumpulan hasil produk untuk menilai tahap kemampuan mereka.

KESIMPULAN

Secara natural, penyelidik melihat pereka bebas menunjukkan potensi yang tinggi sepanjang proses pergerakan fesyen *indie* tempatan. Bagaimanapun dalam beberapa keadaan, penyelidik memahami kondisi sebilangan pereka bebas masih di dalam tahap percubaan. Aktiviti lapangan ini wajar diperkuatkan lagi dengan panduan khusus dan perkongsian verbal dari mentor untuk mengkritik

dan menimbang tara terhadap hasil dapatan produk pereka bebas. Tidak dinafikan usaha mentor yang berusaha keras mencari cara yang paling efektif dalam menyampaikan ilmu kefahaman. Program perkongsian lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan melibatkan beberapa individu yang terlatih sebagai mentor. Pereka bebas perlu memanfaatkan keupayaan mentor yang sentiasa memberikan sokongan yang tiada pengakhiran. Secara khususnya, makalah ini merakam aktiviti lapangan pergerakan fesyen *indie* tempatan sebagai dokumen untuk tujuan perkongsian khalayak pengunjug. Untuk mencapai ke tahap yang lebih optimum, seluruh organisasi program bersama berusaha untuk memenuhi bentuk keperluan seni yang lebih berilmiah. Ini memudahkan pengunjug dapat merujuk ilmu yang khusus mengikut keperluan dari usaha sesebuah organisasi dalam meningkatkan keilmuan pergerakan fesyen *indie* tempatan.

RUJUKAN

- Arnheim, R. (1969). *Visual Thinking*. University of California press, Berkeley.
- Christensen, M. S. (2004). Introducing excitability. In proceedings of the Nordic CHI 2004 Workshop, October 24, 2004, Tampere, Finland, pp. 10-13.
- Cupchik, G. C. (1995). Emotion in aesthetics: Reactive and reflective models. *Poetics*, Vol. 23, pp. 177-188.
- Gibson, J. J. (1979). *The ecological approach to visual perception*. Houghton Mifflin, Boston.
- Merleau-Ponty, M. (1962). *Phenomenology of perception*. Routledge & Kegan Paul, London.
- Nagamachi, M. (2002). Kansei engineering as a powerful consumer-oriented technology for product development. *Applied Ergonomics*, vol. 33, no. 3, pp. 289-294.
- Salem, B., Nakatsu, R., & Rauterberg, M. (2006). *Kansei Experience: Aesthetic, emotions, and inner Balance*.